

Lelaki mengaku curi susu tepung di pasar raya dipenjara

SIBU: Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara dua bulan terhadap seorang lelaki yang mengaku bersalah mencuri dua kotak susu tepung dari sebuah pasar raya pada 9 April lepas.

Majistret Romario Jono yang menjatuhkan hukuman itu, memerintahkan tertuduh, Bunyau Nanum, 36, menjalani hukuman

penjara bermula dari tarikh dia ditangkap iaitu 9 April 2025.

Didakwa mengikut Seksyen 380 Kanun Keseksaan, Bunyau dituduh mencuri dua kotak susu tepung jenama Anmumlac dari sebuah pasar raya di Jalan Teng Chin Hua pada 9 April 2025, jam lebih kurang 10.40 pagi.

Seksyen 380 memperuntukkan hukuman penjara

sehingga 10 tahun dan denda, sementara bagi kesalahan kedua dan seterusnya, hendaklah dikenakan hukuman penjara dan denda atau sebatan jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, pengadu yang juga penyelia pasar raya di Sungai Merah bersama beberapa pekerja lain telah menahan seorang lelaki iaitu tertuduh kerana disyaki mencuri.

Pengadu kemudian membawa tertuduh ke pejabat pasar raya sebelum melakukan pemeriksaan ke atas beg galas yang dibawa tertuduh.

Pengadu menjumpai dua kotak susu tepung di dalam beg tertuduh yang kesemuanya bernilai RM110.90.

Berdasarkan rakaman kamera litar tertutup (CCTV), tertuduh telah mengambil dua kotak susu tepung se-

belum memasukkannya ke dalam beg galas yang dibawanya.

Tertuduh kemudian bertindak keluar dari pasar raya namun berjaya ditahan pengadu bersama beberapa pekerja yang lain.

Ketika disiasat, tertuduh mengaku mencuri dua kotak susu tersebut serta mendakwa susu itu untuk kegunaan sendiri.